

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED LAKSANA TUJUH (7) TINDAKAN SEGERA DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

- Serahan 4,713 unit rumah manfaatkan 18,852 penduduk
- Naik taraf 12 unit lif di PPR Kota Damansara manfaat 4,608 penghuni
 - Naik taraf pasar awam manfaatkan 253 peniaga
 - Serahan 100 kiosk perniagaan
 - Penutupan 100 lokasi tapak sampah haram
- Pengoperasian Loji Rawatan *Waste to Energy* kurangkan 90% sisa pepejal ke tapak pelupusan
 - Pengoperasian 4 Balai Bomba baharu

PUTRAJAYA, 13 Januari 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan hari ini mengumumkan tindakan-tindakan segera Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam tempoh 100 hari yang bakal memanfaatkan kebajikan rakyat di seluruh negara. Inisiatif ini meliputi aspek perumahan, kemudahan awam, pengoperasian Balai Bomba baharu dan pengurangan jumlah sisa pepejal ke tapak pelupusan.

Sebanyak 4,713 unit rumah akan diserahkan kepada rakyat meliputi Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu PPR Kuah dan Ulu Melaka, Langkawi, Kedah, Rumah Mesra Rakyat (RMR) 2022 secara berkelompok serta penyerahan penyelesaian projek sakit yang berjaya disiapkan di Ipoh, Perak dan Kota Tinggi, Johor. Jabatan Perumahan Negara (JPN), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan jabatan dan agensi di bawah KPKT yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif ini.

Sementara itu, **kerja-kerja menaik taraf 12 unit lif di PPR Kota Damansara, Kuala Lumpur** akan dibaik pulih dan diselenggara. Ini bakal dimanfaatkan oleh 4,608 golongan B40 yang menghuni di PPR tersebut.

Dalam tempoh 100 hari ini juga, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan

menaik taraf Pasar Tok Kenali, Jalan Binjai, Kelantan dan Pasar Pasir Pinji, Ipoh, Perak serta **menyediakan 100 buah kiosk perniagaan**. Pelaksanaan ini penting bagi meningkatkan kemudahan premis perniagaan. Seramai 353 orang peniaga dijangka menerima manfaat daripada pelaksanaan naik taraf pasar awam dan penyediaan kiosk perniagaan tersebut.

KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga komited dalam **usaha penutupan 100 lokasi tapak sampah haram dan pemerkasaan inisiatif kitar semula**. Selain itu, peranan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) juga penting bagi memastikan **pengoperasian Loji Rawatan Waste to Energy (WtE) di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan yang pertama di Malaysia** di mana dapat mengurangkan **90 peratus penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan**.

KPKT juga melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berharap **pengoperasian empat Balai Bomba dan Penyelamat baharu yang terletak di Kuala Lumpur, Perak dan Sarawak** akan dapat meningkatkan tahap jaminan keselamatan khususnya bagi penduduk setempat.

KPKT terus komited memperkasakan kualiti penyampaian dan perkhidmatan khususnya dari aspek Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kemampanan Bandar, Pengurusan Sisa Pepejal serta Perkhidmatan Kebombaan demi kesejahteraan rakyat.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

